

Malaysia harap isu dua kerakyatan selesai segera

Daripada G. MANIMARAN

Kedua-dua negara mahu masalah ini diselesaikan sebagai salah satu 'pendekatan menangani keganasan di wilayah selatan Thailand

BANGKOK 13 Julai - Malaysia dan Thailand akan menubuhkan jawatankuasa bersama bagi menyelesaikan isu dua kewarganegaraan dengan secepat mungkin, kata Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd. Najib Tun Razak hari ini.

Katanya, Perdana Menteri Thailand, Thaksin Shinawatra turut menyatakan hasrat pihaknya untuk menyelesaikan masalah yang telah berlarutan sejak beberapa dekad.

"Salah satu daripada isu (di kawasan selatan Thailand) yang belum dapat diselesaikan ialah masalah dua kewarganegaraan. Thaksin kata Thailand amat berminat untuk menyelesaikan masalah ini.

"Saya telah menyatakan bagi pihak Malaysia memang kita bersetuju bahawa perkara ini perlulah diselesaikan dan tiada sebab mengapa, dari segi kemampuan yang ada pada kedua-dua pihak ini, tidak boleh menyelesaikan perkara ini.

"Jadi saya akan memaklumkan kepada Kabinet supaya tindakan susulan diambil untuk menyelesaikan masalah ini," kata beliau.

Najib yang juga Menteri Pertahanan menyatakan demikian selepas mengunjungi Thaksin di pejabatnya di sini, petang ini.

Kunjungan hormat itu berlangsung kira-kira sejam.

Beliau berada di sini untuk menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Am Sempadan (GBC) Ke-46 di sini, esok.

Kira-kira 50,000 hingga 100,000 penduduk selatan Thailand mempunyai dua kewarganegaraan dan ia menjadi isu yang besar sejak memuncaknya konflik di wilayah itu dua tahun lalu.

Kedua-dua negara mahu masalah ini diselesaikan sebagai salah satu pendekatan menangani keganasan di wilayah selatan Thailand.

Sehubungan itu, Thailand telah memulakan pendaftaran kerakyatan di selatan Thailand menggunakan sistem kad pintar bermula awal tahun ini.


Menurut Timbalan Perdana Menteri, memandangkan isu tersebut telah berlarutan, kerajaan berharap ia akan diatasi secepat mungkin dengan mencari penyelesaian muktamad.

"Saya harap kita boleh berbuat demikian. Kita perlu ada kerjasama (untuk mencari penyelesaian) sama ada dengan melakukan menerusi jawatankuasa formal atau mekanisme yang sesuai, kita akan menentukannya," kata beliau.

Ketika ditanya sama ada tempoh masa tertentu ditetapkan untuk menyelesaikan isu tersebut, Mohd. Najib memberitahu: "Tiada tempoh tertentu. Kita akan meminta agensi-agensinya mengadakan perhincangan dan tindakan selanjutnya dengan harapan ini hendaklah diselesaikan tidak berapa lama lagi.

"Ini bukan sesuatu yang mustahil untuk tidak boleh diselesaikan. Kini kerajaan Thailand sudah menggunakan sistem kad pintar," kata beliau.

Jelasnya, apabila pendaftaran selesai dilakukan, proses padanan akan dilakukan manakala pemegang dua kewarganegaraan akan diberi pilihan untuk memilih kerakyatan pilihan masing-masing.



NAJIB Tun Razak disambut Thaksin Shinawatra ketika mengunjungi Perdana Menteri Thailand itu di Bangkok, semalam,

Dalam pertemuan hari ini, Najib dan Thaksin turut menyentuh soal pembangunan kapasiti di selatan Thailand dan perkembangan politik semasanegara tersebut.

"Saya telah memaklumkan antara langkah, syor Majlis Amanah Rakyat (Mara) untuk melatih para belia di selatan Thailand dan perlindungan keselamatan (yang perlu diberi) untuk kumpulan sasaran menghadiri sesi temu bual mengikuti latihan (di Pusat Giatmara)," katanya.

Tambah beliau, Thaksin telah memaklumkan mengenai perkembangan dalaman Thailand termasuk pematuhan peraturan dan Perlembagaan menjelang pilihan raya umum semula yang akan diadakan pada Oktober ini.

"Thaksin juga memaklumkan bahawa beliau telah menghubungi Perdana Menteri (Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi) dan mahu hubungan baik kedua-dua negara diteruskan," katanya.